

**Dewan Rakyat: Kementerian Pelajaran Akan Teruskan Dasar Penempatan Guru - Wee Bernama
15 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Kementerian Pelajaran tanpa prejudis akan terus melaksanakan dasar penempatan guru yang diamalkan selama ini serta berkeyakinan dapat menempatkan guru yang berkualiti dan mencapai kecemerlangan pendidikan yang sewajarnya, Dewan Rakyat diberitahu pada Selasa.

Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Dr Wee Ka Siong menjelaskan bahawa kementerian melaksanakan dasar penempatan guru di sekolah kerajaan berlandaskan kepada keperluan opsyen dan kekosongan tanpa mengira latar belakang agama, kaum dan ideologi politik.

Justeru, katanya kerajaan sentiasa peka dan memberi perhatian terhadap isu yang boleh menimbulkan rasa kurang selesa di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Wilfred Mojilip Bumburing (BN-Tuaran) yang bertanya mengenai pendirian kementerian di atas kenyataan Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) yang mengusulkan agar guru beragama Kristian tidak dibenarkan mengajar di sekolah kerajaan.

Wee berkata kementerian telah meneliti usul Perkasa dan berpendapat ia tidak bertepatan dengan dasar penempatan guru dan semangat kebebasan beragama di negara ini sepertimana termaktub dalam perlembagaan negara.

Katanya semua guru terikat dengan undang-undang negara dan peraturan perkhidmatan awam yang mengawal mereka agar tidak bercanggah dengan ketetapan yang telah digariskan.

Wee berkata sekiranya seseorang guru terbukti melanggar etika perkhidmatan awam termasuklah melibatkan sensitiviti beragama di negara ini, tindakan tatatertib boleh dikenakan ke atas mereka.

"Para guru adalah diingatkan supaya sentiasa menumpu serta menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab dan berdedikasi," katanya.

Kepada soalan tambahan Bumburing mengenai apakah tindakan kementerian untuk menyerapkan kembali perasaan muhibah di kalangan para pelajar, Wee berkata kementerian telah melaksanakan rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan bertujuan menyerapkan semangat 1Malaysia di peringkat awal.

"Dalam rancangan ini kita mencampur semua pelajar pelbagai bangsa di peringkat sekolah rendah dan menengah dengan menyelitkan elemen-elemen perpaduan sebagai satu perkara yang perlu mereka hayati.

"Kami berhasrat untuk mewujudkan masyarakat harmoni dalam menyahut seruan kerajaan melalui konsep 1Malaysia dengan menyemai semangat perpaduan dan memberi pendedahan awal kepada pelajar," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626997>